

PILIHAN BAHASA DALAM DOMAIN PERDAGANGAN DI MALAYSIA

Maya Khemlani David

Abstrak

Bahasa Inggeris bahasa kedua yang utama dalam kalangan masyarakat pelbagai bahasa di Malaysia. Kajian ini direka bentuk untuk mengkaji bagaimana dalam suasana pelbagai keturunan di Malaysia, rakyat di negara ini (Melayu, Cina, dan India) sebenar-benarnya menggunakan dan mengubah bahasa masing-masing apabila berinteraksi antara satu sama lain. Giles, Taylor, dan Bourhis (1973) memperkenalkan Teori Akomodasi untuk menerangkan kegunaan bahasa, dan penilaian dari segi proses psikologi sosial pada peringkat antara perorangan. Ketiga-tiga penyelidik ini memberi penekanan kepada strategi bahasa: Penumpuan dan pencapahan. Memandangkan kehendak suasana merupakan faktor penting yang mempengaruhi pilihan bahasa, maka kajian ini memberi perhatian kepada pilihan bahasa dalam urusan niaga perniagaan. Salah satu daripada tujuan penyelidikan yang mencerap penggunaan bahasa dalam suasana sedemikian adalah untuk menentukan sama ada peniaga di Malaysia membuat penumpuan bahasa atau sebaliknya terhadap pelanggan masing-masing. Kajian lapangan mengenai tingkah laku bahasa yang sebenar dalam urusan niaga perniagaan di Kuala Lumpur ini mendapati bahawa pengalihan kod, iaitu penggunaan dua atau lebih kod atau bahasa dalam sesuatu ujaran adalah lumrah dalam masyarakat Malaysia. Makalah ini turut membincangkan faktor lain seperti taraf sosioekonomi, kesepaduan dalam kumpulan dan kecekapan berbahasa yang menjadi penyebab kepada kemunculan jenis linguistik yang lain daripada yang lain ini, iaitu pengalihan kod dalam komunikasi dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Abstract

English is an important second language in multilingual Malaysia. This study is designed to explore how in multilingual Malaysia,

Malaysians (Malay, Chinese and Indian) actually use and alter their language (s) when interacting with each other. Giles, Taylor, and Bourhis (1973) have developed the Accomodation Theory to explain language use, and evaluation in terms of social psychological processes operating at interpersonal levels. Their major focus has been on the language strategies of convergence and divergence. As normative demands of situations are important factors governing language choice this study focuses on language choice in service encounters. One of the aims of the research in observing the language used in such setting was to determine whether Malaysian vendors converge to the customers' language or vice versa. This field study of actual language behaviour in service encounters in the city of Kuala Lumpur disclose that code switching, i.e. the use of two or more codes or languages in an utterance has become an established feature in the Malaysian repertoire of languages. This article also discusses other factors like status, in-group solidarity and linguistic capabilities which have caused the emergence of distinct linguistic variety, i.e. codeswitches in the Malaysian speech repertoire.

PENDAHULUAN

Kajian ini cuba menentukan pemula interaksi dalam urusan jual beli dalam kalangan pelbagai etnik, budaya, dan bahasa di Malaysia. Bahasa siapa yang akan digunakan dalam urusan niaga sebegini? Adakah bahasa penjual yang mendominasi urusan niaga ini ataupun bahasa pembeli? Dengan persoalan ini kajian ini memeriksa pilihan linguistik yang dibuat oleh pembeli dan penjual dalam urusan niaga di Malaysia.

Konsep strategi linguistik tentang penumpuan dan pencapahan (Giles, Taylor, dan Bouthis, 1973) akan digunakan untuk menganalisis pilihan bahasa yang digunakan dalam urusan niaga. Penumpuan bahasa merujuk kepada dominasi sesuatu bahasa yang khusus dalam kalangan interlokuter. Pencapahan bahasa pula merujuk kepada pengekalan penggunaan bahasa masing-masing dalam kalangan interlokuter. Dalam kajian yang berkaitan, tentang pilihan bahasa dalam urusan niaga di Tunisia, penjual didapati bercakap dengan pelanggan dalam bahasa pelanggan itu sendiri, suatu penumpuan bahasa. Strategi penumpuan sebegini digunakan kerana mungkin membawa "ganjaran ketara" kepada penjual (Lawson-Sako dan Sachdev, 1996). Kajian ini mengatakan bahawa "ganjaran ketara" ini dapat diperolehi oleh penjual dan pembeli.

Selain ganjaran ini, sebab-sebab penumpuan linguistik yang lain juga

disebut. Giles dan Johnson (1981) dan Sachdew dan Bourhis (1990) berkata bahawa dalam persekitaran pelbagai bahasa, bahasa mungkin akan menjadi salah satu dimensi penting bagi identiti kumpulan dan oleh itu, bahasa boleh digunakan untuk mengurangkan, mencipta ataupun mengekalkan sempadan dalam kumpulan. Menurut Teori Akomodasi Komunikasi (Giles *et al.*, 1987) pencapahan merupakan satu fungsi keinginan penutur untuk membezakan diri dari interlokuter dan untuk mendefinisikan pertemuan itu dari segi *intergroup*. Pilihan bahasa mempunyai beberapa banyak implikasi kerana membawa konotasi dan menandakan perpaduan dalam kumpulan, atau boleh digunakan sebagai strategi penjarahan ataupun untuk menandakan taraf dan kuasa. Oleh sebab orang yang berbeza etnik tinggal di Malaysia, maka objektif subsidiari kajian ini adalah untuk menentukan sama ada kesedaran tentang diri sendiri dan interlokuter yang lain terpancar dalam pilihan bahasa semasa urus niaga.

LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN

Malaysia terdiri daripada pelbagai golongan etnik dan mempunyai warisan linguistik yang kaya. Golongan etnik yang terbesar ialah Melayu (52%), diikuti dengan Cina (38%) dan India (10%) (Banci Penduduk, 1991). Komuniti ini bukan seragam dan dalam setiap golongan etnik yang utama, terdapat subkumpulan. Sebagai contoh, subkumpulan India terdiri daripada orang India Utara dan Selatan. Orang Punjabi, Gujerati, Benggali, Sindhi, dan bangsa lain, membentuk subkumpulan orang India Utara sementara orang Tamil, Malyalee, Telegu, dan bangsa lain membentuk subkumpulan orang India Selatan. Setiap subkumpulan boleh terus dibezakan pada asas agama; sebagai contoh, terdapat Punjabi Hindu, Sikh, dan Islam dalam negara ini (David, 1996). Komuniti Cina di Malaysia juga bukan kumpulan yang seragam dan terdapat orang Cina yang bercakap Kantonis, Hokkien, Teochew, Hakka, dan dialek yang lain. Mandarin ialah bahasa pengantar di sekolah Cina. Ahli komuniti Cina yang bersekolah Cina ini biasanya menggunakan bahasa Mandarin dalam interaksi dalam komuniti (lihat David, 1999c). Definisi orang Melayu seperti yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan ialah seorang yang mengamalkan agama Islam, bercakap dalam bahasa Melayu dan mempraktikkan adat Melayu dan menurut definisi ini bermakna orang Jawa, Bugis, dan Minangkabau juga dikenali sebagai orang Melayu (Mohamad Subakir, 1998).

Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dianggap sebagai bahasa utama di Malaysia dan digunakan untuk komunikasi dalam kumpulan dan antara

kumpulan (Asmah, 1987). Di samping itu, terdapat beberapa variasi bahasa Melayu standard, iaitu bahasa variasi tinggi yang digunakan di sekolah, variasi rendah, iaitu bahasa Melayu pasar juga digunakan secara tidak formal dan selain ini, terdapat pelbagai variasi dialek Melayu. Variasi bahasa Inggeris yang digunakan di Malaysia terdiri daripada variasi Malaysia yang dipelajari (variasi sekolah tinggi yang diajar di sekolah, iaitu variasi akrolek dan juga variasi yang digunakan di pasar iaitu variasi basilek dan mesolek (Baskaran, 1987). Menurut Morais 1998, orang Malaysia daripada tahap sosioekonomi yang rendah yang tidak belajar bahasa itu secara formal menggunakan variasi Inggeris yang basilek.

Abdullah Hassan (1987:1) mengatakan bahawa bahasa Melayu, iaitu bahasa orang Melayu merupakan *lingua franca* di Malaysia kerana orang Cina dan India dalam interaksi antara kumpulan, biasanya akan menggunakan variasi Melayu. Dalam satu kajian pilihan bahasa di loji kereta di Malaysia, (Morais 1998:89) mendapati bahawa variasi bahasa Melayu pasar digunakan dalam komunikasi tidak formal oleh ahli semua kumpulan etnik. Dalam bahasa Melayu yang digunakan oleh ahli komuniti minoriti yang lebih tua, iaitu komuniti Cina dan India, sebutan dan intonasi masing-masing berbeza kerana pengaruh bahasa pertama atau etnik masing-masing. Tambahan pula, penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan bukan Melayu ada pada masanya merupakan jenis pengalihan kod, dalam hal ini, benda leksikal daripada bahasa-bahasa minoriti dan juga bahasa Inggeris dimasukkan ke dalam bahasa Melayu dominan yang digunakan.

Keragaman bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di Malaysia mungkin dilihat seperti penunjuk keahlian penutur dalam rangkaian sosioekonomi dan etnik yang berbeza. Pilihan dan keragaman bahasa menandakan perpaduan dalam kumpulan, simbol taraf dan strategi penjauhan. Bahasa dan keragaman yang digunakan juga menunjukkan tahap sosioekonomi (Morais, 1998).

Satu fenomena bahasa yang biasa digunakan di Malaysia ialah pengalihan kod, iaitu bahasa Inggeris/Melayu (David, 1997, 1999a, 1999b), Hokkien/Melayu/Inggeris/Tamil/Melayu/Inggeris dan bahasa lain. Jamaliah (1995) menyatakan bahawa orang Malaysia di kawasan bandar kadangkala beralih antara tiga bahasa, iaitu bahasa Inggeris, bahasa Melayu, dan bahasa etnik masing-masing. Banyak istilah yang digunakan untuk menggambarkan percampuran dua bahasa ini, yang lumrah dalam komuniti penutur dwibahasa. Contoh istilah ini ialah pengalihan kod, campuran kod dan per-selingan bahasa. Pengalihan kod didefinisikan sebagai *the juxtaposition within the same speech exchange of passages of speech belonging to two*

different grammatical systems or subsystems iaitu mengatur seiring bahasa dalam penukaran pertuturan petikan yang sama yang dimiliki oleh dua sistem atau subsistem tatabahasa yang berbeza (Gumperz, 1982: 59). Secara mudah, pengalihan kod boleh didefinisikan sebagai *alternative use of two languages at the word, phrase, clause or sentence level* iaitu penggunaan dua bahasa secara alternatif pada tahap perkataan, frasa, klausa atau ayat (Valdes, 1981:95). Pengalihan kod untuk tujuan kajian ini termasuk dalam campuran kod, pengalihan kod dan perselingan kod yang diterangkan di bawah:

1. Campuran kod (penggunaan dua bahasa dalam satu pusingan tetapi hanya sedikit bahasa yang digunakan. Lihat pusingan kedua oleh penutur JI dalam Ekshibit 18).
2. Pengalihan kod iaitu penggunaan lebih daripada satu bahasa yang boleh berlaku dalam satu pusingan atau pernyataan.
3. Perselingan kod yang berlaku apabila seseorang penutur melakukan pengalihan kod antara pusingan. Sebagai contoh, seorang penutur menggunakan bahasa A dalam satu pusingan dan bahasa B dalam pusingan yang lain (lihat Ekshibit 18 yang menunjukkan penutur BM berseling antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris dengan menggunakan bahasa Melayu, bahasa etniknya dalam pusingan pertama dan bahasa Inggeris dalam pusingan kedua).

Fenomena pengalihan kod telah dikaji oleh beberapa penyelidik (lihat Heller, 1988). Ada penyelidik yang melihat pengalihan kod sebagai norma dalam beberapa masyarakat pendatang seperti masyarakat Puerto Rico di New York (Fishman dan Greenfield, 1970; Torres, 1989), dan mengatakan bahawa keragaman sebegini menunjukkan tahap tinggi kecekapan dalam bahasa sementara penyelidik lain seperti Singh (1994) mempunyai pandangan yang lain dan mengatakan bahawa penutur yang sangat cekap tidak akan beralih kod. Dalam kajian tentang pilihan kod di Kuala Kangsar, Perak, Nor Hashim (1991) mendapati bahawa penggunaan pengalihan kod bahasa Jawa dan bahasa Melayu standard oleh masyarakat Jawa adalah disebabkan oleh kecekapan yang rendah dalam bahasa Jawa sementara De Bot dan Clyne (1994) juga mendapati bahawa pengalihan kod dalam kalangan pendatang Belanda di Australia menunjukkan kecekapan yang rendah dalam satu-satu bahasa.

Pengalihan kod mempunyai beberapa fungsi dan kajian pada masyarakat yang berbeza menunjukkan bahawa sebab-sebab pengalihan kod berlaku adalah berbeza-beza (Gumperz, 1964; Kachru, 1979; Poplack, 1988; Heller,

1988). Kajian perintis oleh Gumperz menunjukkan bahawa pengalihan kod merupakan satu sumber yang mengekspresikan variasi makna sosial. Gumperz (1964, 1982) memberi contoh pengalihan kod yang berkaitan dengan metafora atau huraian. Pengalihan kod sedemikian, termasuk mengalih kod untuk mengurangkan sesuatu ancaman, mengalih kod untuk menyembunyikan maklumat, mengalih kod sebagai strategi penjarahan dan untuk menimbulkan suasana yang ceria. Apabila komunikasi terputus, pengalihan kod boleh digunakan sebagai strategi pembaikan. Kepentingan pengalihan kod mungkin kerana keupayaannya untuk membawa konotasi taraf sama dengan penggunaan bahasa antarabangsa, bahasa Inggeris dan pada masa yang sama, perpaduan atau kesedaran bahawa mereka ialah ahli kumpulan etnik yang sama, dengan penggunaan bahasa etnik. Makalah ini melihat pengalihan kod sebagai strategi akomodasi sosiopsikologi. Dalam strategi ini pembeli dan penjual, walaupun tidak begitu mahir dalam bahasa etnik masing-masing, mungkin akan cuba menunjukkan tanda hormat pada keetnikan pelanggan dan bahasa keutamaan dengan menggunakan pengalihan kod.

Walau apa pun fungsi pengalihan kod, mengikut Li (1995 "Personal Communication"), dalam situasi satu bahasa, pengalihan kod mungkin dilihat sebagai contoh pertuturan yang menyimpang. Dalam makalah ini, ditunjukkan bahawa di Malaysia yang berbilang bahasa, pengalihan kod mempunyai banyak fungsi dan merupakan sumber yang berguna dalam interaksi dalam kumpulan dan interaksi antara kumpulan.

PANGKALAN DATA DAN RANGKA KERJA ANALITIS

Di Malaysia yang berbilang etnik, pertemuan dalam kumpulan dan antara kumpulan kerap berlaku ketika urusan niaga perdagangan. Sejumlah 17 kedai runcit dan kedai makanan di Petaling Jaya disasarkan sebagai tempat interaksi perniagaan. Kedai sebegini mempunyai waktu perniagaan yang lebih panjang berbanding dengan pusat membeli-belah dan operasinya dilaksanakan oleh pemilik dan kakitangan Melayu, Cina, dan India. Sampel pemilik kedai yang diperhatikan dipilih dari kumpulan etnik yang utama di negara ini (Ekshibit 1). Pelanggan (sejumlah 27) di kedai sebegini adalah daripada pelbagai etnik dan tinggal di sekitar kawasan itu. Bahasa yang digunakan oleh pembeli dengan beberapa penjual direkodkan sehingga selesai setiap urusan niaga. Analisis ini merangkumi beberapa pusingan. Pusingan sebegini adalah pendek dan berorientasi matlamat. Romaine (1989) dan Gumperz (1982) menunjukkan bahawa pengalihan kod biasanya mengikuti

Ekshibit 1 Profil Responden

	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
Kumpulan etnik pelanggan	9	11	4	3	27
Kumpulan etnik pekedai	6	6	5	-	17

pertukaran penerima. Setiap pekedai diperhatikan selama satu jam supaya dapat ditentukan pilihan linguistik dengan beberapa pelanggan yang berbeza etnik dan kedudukan sosioekonomi.

Pemboleh ubah yang dianalisis ialah keetnikan pembeli dan penjual, pilihan bahasa dalam pusingan pertama, dan bahasa yang digunakan sebagai balasan dalam pusingan ini. Balasan dalam pusingan ini direkodkan dalam satu daripada empat kategori — penumpuan, ketika mereka membalas ujaran dalam bahasa yang ditujukan kepada mereka; pengalihan kod, ketika dua bahasa digunakan, jadi terdapat lebih daripada satu leksikal dalam satu lagi bahasa; percampuran kod, ketika mereka membalas ujaran dengan menggunakan sekurang-kurangnya satu perkataan dalam bahasa kedua; dan pencapahan, ketika mereka membalas ujaran hanya dalam bahasa mereka sendiri.

Dalam menganalisis data ini, diterapkan konsep pengalihan kod dan teori akomodasi. Fungsi pengalihan kod telah digambarkan sebelum ini. Teori akomodasi komunikasi menerangkan proses sosiopsikologi yang berlainan yang mempengaruhi pilihan kod bahasa, dan akibat interaksinya (Coupland dan Jaworski, 1997:241). Menurut Bradac, *et al.*, (1989), teori akomodasi ini ialah model utama dalam perhubungan sociolinguistik, komunikasi, dan psikologi sosial. Teori ini telah digunakan dalam pelbagai penyiasatan empirik yang berkenaan dengan interaksi dalam kumpulan yang melibatkan situasi pelbagai bahasa. Teori ini menyiasat penumpuan dan pencapahan penuturan. Penumpuan penuturan didefinisikan sebagai strategi am yang keadaannya begini: Individu mengadaptasi penuturan dan tindakan bukan verbal antara satu sama lain pada pelbagai dimensi termasuk pilihan bahasa. Tanggapan penumpuan penuturan berasaskan kepercayaan bahawa tanggapan membayangkan motivasi penutur untuk mendapat persetujuan sosial. Giles dan Coupland telah menentukan secara empirik bahawa *the more effort in convergence a speaker was perceived to have made ... the more favourably the speaker was evaluated, and the more the listener would converge in return* iaitu lebih banyak usaha dalam penumpuan yang dibuat oleh penutur ... lebih baik dia akan dinilai dan pendengar akan membalas

penumpuan itu (Giles dan Coupland, 1991: 63). Beberapa kajian (lihat Berger dan Bradac, 1982) telah menunjukkan bahawa penumpuan, seperti yang dijangka oleh penutur, memberi faedah sosial yang positif. Walau bagaimanapun, penumpuan mungkin tidak semestinya membawa hasil positif yang diinginkan. Ada masanya, percubaan untuk bertumpu akan dilihat secara negatif. Sebagai contoh, apabila seseorang pemilik kereta yang berpendidikan tinggi berbahasa Melayu dengan atendan minyak, atendan itu akan beralih kepada bahasa Inggeris dan berkata bahawa dia boleh berbahasa Inggeris. Dalam situasi ini, penumpuan dilihat sebagai satu penghinaan kerana bahasa Inggeris mempunyai konotasi yang elit.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Dalam perbincangan, ketiga-tiga kumpulan etnolinguistik diringkaskan kepada M (Melayu), C (Cina), dan I (India) dan jantina L (Lelaki) dan P (Perempuan) manakala pembeli (B) dan penjual (J).

PERMULAAN PERBINCANGAN DAN KEMUNCULAN PERBINCANGAN BERCAMPUR

Ekshibit 2 menunjukkan bahawa dalam interaksi perniagaan, secara amnya, pelanggan yang akan memulakan perbualan. Daripada sejumlah 44 interaksi, didapati yang memulakan perbualan ialah pelanggan atau pembeli, sebanyak 27 (62%) dan penjual 17 (38%).

Penemuan secara umum mengenai respons pertama kepada pembeli menunjukkan bahawa bukan penjual sahaja (72%) yang bertumpu kepada bahasa yang digunakan oleh pembeli tetapi pembeli (28%) juga tertumpu kepada bahasa penjual (Ekshibit 4). Hubungan antara pembeli dengan penjual dan keperluan masing-masing menyebabkan kedua-duanya cuba berakomodasi antara satu sama lain. Penjual akan membalas ujaran dalam

Ekshibit 2 Yang Memulakan Perbualan

	Bilangan	Peratus
Pembeli	27	62
Penjual	17	38
Jumlah	44	100

bahasa yang digunakan oleh pembeli untuk melaksanakan jualan dan pembeli melakukan sebegini supaya harga akan turun melalui tawar-menawar, ataupun untuk memungkinkannya membeli barangan secara kredit. Pengalihan kepada pilihan bahasa satu sama lain sebegini yang kerap dan berhati-hati telah membawa kepada kemunculan perbincangan bercampur. Perbincangan bercampur sebegini (lihat Ekshibit 3) terdiri daripada pengalihan, (baris 1– 3), campuran, (baris 5) dan penyelingan (baris 2, 6, 1, dan 7) yang kerap berlaku dalam interaksi linguistik. Dalam baris 1 (lihat Ekshibit 3), pelayan Cina berakomodasi terhadap keetnikan pelanggan Melayu dengan menggunakan bahasa Melayu standard dalam sapaannya dan dalam pernyataan yang sama, beralih kepada bahasa Inggeris, untuk bertanya bagaimana dia boleh menolong pelanggan tersebut. Oleh sebab kedai makanan itu Mc Donalds yang berbudaya Amerika dan pelanggannya terdiri daripada kumpulan berpendapatan pertengahan dan tinggi dan bahasa pertuturan di situ bahasa Inggeris, yang dilihat sebagai bahasa variasi tinggi, maka pelanggan akan menyahut dengan memulakan perbualan dalam bahasa Inggeris dengan penggunaan satu leksikal “Yes” (Ya) sebagai pengiktirafan kepada bahasa Inggeris yang digunakan oleh pelayan dalam ritual sapaan. Kemudian pelanggan beralih kepada kata ganti nama “I” (Saya) (kata leksikal Inggeris “I” kerap kali digunakan dalam bahasa Melayu orang Melayu bandar kerana menyamakan perhubungan, lihat Nik Safiah, 1988) dan kemudiannya kembali kepada bahasa Melayu untuk kata kerja “nak dua”, beralih kepada bahasa Inggeris untuk menyatakan makanan yang dikehendaki “*Set Value Meal No. 2*” dan kemudian beralih kepada bahasa Melayu untuk menyebut bilangan (satu dan empat) dan akhirnya beralih kepada bahasa Inggeris untuk menyatakan makanan “*ice-cream*” (aiskrim). Jadi dalam satu pernyataan yang pendek, pelanggan telah beralih bahasa, daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu sebanyak empat kali dan mengakhiri interaksi itu dengan bahasa Inggeris. Pelayan itu tertumpu pada kod campuran ini dan menyahut dalam pernyataan Melayu/Inggeris, dan dengan ini menunjukkan keupayaan dwibahasanya apabila dia berakomodasi pilihan bahasa bercampur pelanggan Melayunya. Pelanggan itu kemudian memberi penekanan terhadap identiti etniknya dengan menggunakan bahasa Melayu semula dalam baris 4 dan pelayan membalasnya dengan hanya menggunakan satu istilah Inggeris dan lebih bahasa Melayu (baris 5). Kemudian, pelanggan, dalam baris 6 hanya menggunakan bahasa Inggeris – bahasa bertaraf tinggi, apabila dia berbincang tentang bayaran, dan secara balasan pelayan juga berakomodasi dan kembali kepada penggunaan bahasa Inggeris sahaja (baris 7). Pelanggan itu

Ekshibit 3 Pengalihan, Campuran, dan Penyelingan yang Kerap dalam Interaksi Linguistik

1. Pelayan Cina: Selamat tengah hari puan, *can I help you?*
 2. Pelanggan Melayu: *Yes*, selamat tengah hari. I nak dua *sets value meal No. 2*, satu set *value meal No 4*, dan empat *chocolate ice cream*.
 3. Pelayan Cina: Puan nak makan di sini *or having outside?*
 4. Pelanggan: Makan sini.
 5. Pelayan: *Allright* puan semuanya \$20.39.
 6. Pelanggan: *I don't have change, can I give you \$50?*
 7. Pelayan: *Sure ... and this is your change.*
 8. Pelanggan: *You're welcome.*
- Bahasa Inggeris dalam italik.
 - Baris 2 menunjukkan pengalihan kod beberapa kali.
 - Baris 6, 7, dan 8 menunjukkan hanya bahasa Inggeris yang digunakan.

mengakhiri perbualan itu dengan bahasa Inggeris (baris 8).

Keperluan untuk berakomodasi antara satu sama lain telah membawa kepada kekerapan pengalihan dan percampuran kod Melayu/Inggeris, yang telah menjadi fenomena biasa dalam komunikasi dalam kumpulan. Kami percaya bahawa campuran kod ini harus dilihat sebagai bahasa kerana melakukan fungsi akomodasi dan penumpuan dalam negara yang terdiri daripada pelbagai etnik. Oleh sebab kebanyakan interaksi perniagaan dimulakan oleh pelanggan (61%), maka logiklah bahawa kebanyakan akomodasi dibuat oleh pelayan. (Ini dilihat daripada peratusan permulaan penumpuan di Ekshibit 4.)

Ekshibit 4 Peratusan Permulaan Penumpuan

Pemula penumpuan	Bilangan	Peratus
Penjual	13	72
Pembeli	5	28

PILIHAN BAHASA DALAM MASYARAKAT MALAYSIA YANG BERBILANG BAHASA

Oleh sebab bahasa Melayu bahasa kebangsaan dan *lingua franca* rakyat Malaysia, dijangkakan bahawa bahasa inilah yang diutamakan dalam urusan niaga perniagaan antara kumpulan, dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbeza etnik, walaupun digunakan variasi bahasa Melayu yang tidak formal dan bukan standard. Ekshibit 5 menunjukkan bahasa utama yang digunakan dalam urusan niaga perniagaan. Bahasa Melayulah yang paling kerap digunakan. Penggunaan bahasa kebangsaan menunjukkan pada tahap tertentu, kejayaan dasar perancangan bahasa. Walau bagaimanapun, bahasa Inggeris, yang secara rasminya dianggap sebagai bahasa yang kedua terpenting juga digunakan. Peratusan penjual yang menggunakan bahasa Inggeris (16%) adalah kurang berbanding dengan peratusan pelanggan yang menggunakan bahasa itu (27%).

Ekshibit 5 Bahasa yang Digunakan dalam Urus Niaga Perniagaan

Melayu	Inggeris	Tamil	
32	7	2	Penjual
30	12	1	Pelanggan

Bahasa etnik tidak semestinya kerap digunakan dalam interaksi dalam kumpulan kerana ahli masyarakat yang muda nampaknya beransur-ansur kehilangan kecekapan linguistik masing-masing dan sedikit demi sedikit beralih daripada bahasa etnik yang tradisional (David, 1992, 1996, 1999a; David dan Noor, 199b; Lim, 1997; Rajagopal, 1987; Mohamad Subakir, 1998). Sebagai contoh, dalam kajian ini, apabila dua penjual berbangsa Tamil menggunakan bahasa itu dengan pelanggan Tamil (Ekshibit 6), hanya seorang pelanggan yang berakomodasi dan menggunakan bahasa etnik itu dalam interaksi mereka, manakala pelanggan bangsa Tamil yang seorang lagi membalasnya dalam bahasa Inggeris. Kekurangan kecekapan dalam bahasa etnik merupakan alasan yang menerangkan terjadinya pengalihan bahasa, daripada bahasa vernakular seperti Tamil dan dialek Cina tempatan kepada bahasa lain dan terdapat ahli kumpulan etnik minoriti yang sama berkomunikasi dalam bahasa Melayu ataupun bahasa Inggeris atau variasi pengalihan kod yang terdiri daripada bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan beberapa istilah leksikal bahasa vernakular. Selain mempunyai taraf yang

tinggi, bahasa Inggeris menjadi bahasa ibunda baharu bagi beberapa ahli golongan etnik minoriti seperti India dan Cina (David, 1996., David dan Noor, 1999) dan untuk minoriti lain seperti Baba (Tan, 1980) dan masyarakat Chitty (Ravichandran, 1996) di Melaka, satu variasi bahasa Melayu telah menjadi bahasa ibunda mereka.

Ekshibit 6 Pilihan Bahasa dalam Komunikasi dalam dan antara Budaya

Penjual	Melayu	Inggeris	Tamil
Melayu dengan pelanggan Melayu	6		
Melayu dengan pelanggan India	7		
Melayu dengan pelanggan Cina	7	3	
India dengan pelanggan Cina	5	2	
India dengan pelanggan India			2
Bangladeshi dengan pelanggan India			
Arab dengan pelanggan India	1		
Cina dengan pelanggan Cina	2	1	

Satu pilihan bahasa yang ketara dalam masyarakat Malaysia ialah penggunaan campuran kod. Dalam situasi pelbagai bahasa, campuran kod mungkin mencapai dua matlamat pada satu masa yang sama. Matlamat pertama, penumpuan dan kedua, taraf. Masyarakat Malaysia, biarpun pembeli atau penjual nampaknya sensitif terhadap keperluan orang lain dan mengakomodasikan bahasa pilihan interlokuter mereka dalam pertuturan terutamanya apabila bahasa itu diketahui seperti bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Sikap sensitif sebegini wujud dalam pengalihan kod. Sebanyak 52% daripada ekstrak menunjukkan bilangan yang tinggi dalam campuran kod dan pengalihan kod (Ekshibit 7).

Ekshibit 7 Kejadian Campuran Kod dan Pengalihan Kod

Pengalihan kod	Campuran kod	Jumlah	Peratus
13	10	23	52

Terdapat pengalihan kod tahap tinggi, terutamanya antara bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu. Hal ini boleh difahami kerana bahasa Melayu bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris bahasa kedua terpenting

di Malaysia. Pengalihan kod Inggeris/Melayu berlaku bukan sahaja dalam pertemuan antara kumpulan tetapi juga dalam pertemuan dalam kumpulan. Penggunaan pengalihan kod boleh dilihat sebagai strategi akomodasi. Walau bagaimanapun, had penggunaan satu bahasa terhadap bahasa yang lain dalam pengalihan kod mungkin juga membayangkan setakat mana kecekapan dan keselesaan penutur dengan sesuatu bahasa. Penutur yang lebih tua yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraan pendidikan, secara amnya lebih selesa dengan bahasa itu, sementara orang bandar yang lebih muda yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dalam pendidikan nampaknya mencampurkan kedua-dua bahasa ini dalam perbualan.

Yang turut ditegaskan bahawa pengalihan kod antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris tidak berlaku hanya antara kumpulan etnik tetapi juga dalam kumpulan etnik itu. Orang Melayu bandar dalam perbualan dengan orang Melayu bandar yang lain biasanya menggunakan pengalihan kod Melayu/Inggeris (lihat Nik Safiah, 1988). Dalam pengalihan kod sebegini, bahasa dominan biasanya bahasa Melayu. Lihat Ekshibit 8 dan 9.

Ekshibit 8 Pengalihan Kod Melayu/Inggeris dalam Interaksi dalam Kumpulan

BLM (Lelaki Melayu sebagai Pembeli) dan JPM (Wanita Melayu sebagai Penjual)		
JPM	:	Cari kain apa bang?
BLM	:	Baju ini cantik tak?
JPM	:	Oh ... cantik, untuk <i>girlfriend</i> ?

Ekshibit 9 Campuran Kod Melayu/Inggeris dalam Interaksi dalam Kumpulan

BPM (Wanita Melayu sebagai Pembeli) dan JPM (Wanita Melayu sebagai Penjual)		
JPM	:	Banyak yang adik dah <i>try</i> . Nak ambil mana satu?

Pengalihan kod Melayu/Inggeris sebegini dalam interaksi dalam etnik mempunyai fungsi yang berbeza. Sebagai contoh, penggunaan perkataan *girlfriend* (teman wanita) oleh seorang wanita yang bekerja sebagai penjual

dalam Ekshibit 8 mungkin merupakan strategi penjarahan dalam konteks kebudayaan Melayu. David (1997) telah memerhatikan bahawa sekumpulan pembantu tadbir rendah berbangsa Melayu yang muda, yang sedang menggunakan bahasa Melayu berbual semasa makan telah beralih kepada bahasa Inggeris apabila mereka berbincang sesuatu yang negatif tentang majikan mereka. Hal ini juga strategi penjarahan – dikatakan penjarahan kerana seseorang sedang menggunakan bahasa yang bukan bahasa yang biasa digunakannya. Dalam Ekshibit 9, penggunaan perkataan *try* dalam perbualan yang berdominan Melayu menunjukkan perasaan jengkel jurujual berbangsa Melayu kepada pelanggan yang masih tidak memilih sehelai baju, walaupun telah banyak yang dicubanya. Penggunaan *try* merupakan satu lagi contoh strategi penjarahan yang digunakan oleh penutur.

Selain pengalihan kod Melayu/Inggeris pengalihan dialek turut terdapat dalam kalangan masyarakat Melayu. Pengalihan kod dalam masyarakat Melayu bukan sahaja melibatkan pengalihan antara dua bahasa tetapi juga pengalihan antara dialek Melayu. Sebagai contoh, apabila seorang pelajar Melayu di Universiti Malaya cuba membeli sesuatu barang, dia menggunakan bahasa Melayu standard dengan pekedai Melayu itu. Walau bagaimanapun, apabila pekedai itu membalasnya dalam dialek Terengganu, maka pembeli serta-merta beralih kepada variasi itu. Pembeli mengaku bahawa akomodasi dialek itu dilakukan dengan harapan dia akan mendapat diskaun harga. Dalam situasi begini, bahasa mempunyai “kuasa simbolik” (Bordieus, 1994) dan fungsi pengalihan kod ini ialah metaforik.

Selain penggunaan dialek, variasi bahasa Melayu yang digunakan turut berbeza-beza. Orang Melayu yang berpelajaran biasanya menggunakan variasi standard yang dipelajari di sekolah sementara yang tidak bersekolah atau mempunyai pendidikan formal yang terhad pula biasanya menggunakan bahasa Melayu dialek atau bahasa pasar. Penumpuan bahasa walaupun antara variasi sesuatu bahasa dilihat dalam data. Sebagai contoh, dalam suatu urusan niaga, penjual berbangsa Melayu yang muda dalam pusingan terakhir telah beralih kepada variasi Melayu pasar dan berakomodasi kepada stail linguistik pembeli, orang Melayu tua. Dia menggunakan perkataan “kasi” untuk menggantikan perkataan “memberi” (Melayu standard). Akomodasi dan penumpuan bahasa sebegini, dari segi penjual muda itu dikatakan untuk menunjukkan tanda hormat kepada interlokuter yang lebih tua. Hormat kepada orang tua ialah sikap yang telah terbenam dalam jiwa Asia dan Jan dan David, (1996) telah mendokumentasikan cara kesopanan dan sikap tidak langsung oleh pelajar Melayu. Jadi, walaupun pembeli dan penjual sedang menggunakan bahasa yang sama, dalam kes ini bahasa

Melayu, namun variasinya berbeza dan dari segi ini terdapat sedikit pencapahan. Penyelingan kod dilihat dalam pusingan terakhir apabila penutur yang lebih muda berakomodasi kepada variasi bahasa yang digunakan oleh pembeli yang mengakibatkan penggunaan variasi bahasa secara resiprokal.

Bagi masyarakat India, kesnya sama sahaja. Dalam perbualan dalam kumpulan dalam kalangan masyarakat India di Malaysia, bahasa etnik bukan sememangnya digunakan. Hal ini mungkin demikian kerana masyarakat India di Malaysia tidak seragam dari segi linguistik, beberapa kumpulan minoriti etnik nampaknya sedang beralih daripada bahasa ibunda dan tidak begitu cekap dalamnya. Penggunaan bahasa yang dominan dalam interaksi dalam kumpulan sama ada bahasa Inggeris atau bahasa Melayu bergantung pada umur, taraf sosioekonomi, dan bahasa perantaraan masing-masing. Sebagai contoh, orang India bandar yang lebih tua dalam lingkungan usia 50-an, biasanya menggunakan bahasa Inggeris standard (lihat Ekshibit 10). Jika seorang pembeli tidak cekap dalam bahasa etniknya, maka penggunaan bahasa etnik itu walaupun secara sedikit, boleh dilihat sebagai penumpuan pada keetnikan penjual. Penumpuan sebegini boleh ditunjukkan dalam tanda verbal seperti penggunaan partikel bahasa ataupun istilah leksikal yang minimum dan diasingkan, iaitu perkataan dari bahasa etnik dalam perbualan campuran atau pengalihan kod mereka. Kejadian linguistik sebegini boleh menjadi tanda identiti keetnikan.

Ekshibit 10 Bahasa Bukan Etnik yang Digunakan dalam Interaksi dalam Kumpulan

BLI (Lelaki India sebagai Pembeli) dan JLI (Lelaki India sebagai Penjual)
BLI: <i>Excuse me, do yo have loose change for RM2.00</i> (Maafkan saya, kamu ada tukar untuk dua ringgit) JLI: <i>Yes I do</i> (Ya, saya ada)
BLI: <i>May I exchange my RM2 note for your coins? You see I am in need to make an urgent call</i> (Boleh saya tukar wang kertas dua ringgit saya untuk syiling kamu? Saya perlu buat panggilan mustahak) JLI: <i>Here your are, the coins that you want</i> (Ini dia, syiling yang kamu hendak)

Bahasa Mandarin, seperti bahasa Tamil, mungkin tidak digunakan oleh semua orang Cina kerana bahasa Mandarin hanya bahasa perantara bagi yang pernah bersekolah Cina. Disebabkan variasi dalam sesuatu dialek,

orang Cina yang menggunakan dialek seperti Kantonis, Hokkien, Teochew, dan dialek lain di rumah tidak selalunya beralih kepada dialek ini dalam interaksi dalam kumpulan.

Ringkasnya, pilihan kod oleh etnik minoriti dalam interaksi dalam kumpulan bukan semestinya bahasa etnik. Dalam situasi pengalihan bahasa terutama dalam masyarakat minoriti, sempadan etnik tidak boleh dikekalkan dengan penggunaan bahasa etnik seseorang.

Pengalihan kod antara ahli kumpulan etnik yang sama mempunyai beberapa fungsi. Pertama, membantu mereka yang mempunyai kecekapan yang terhad dalam bahasa etnik untuk menunjukkan keahlian etnik dengan menggunakan beberapa perkataan daripada bahasa etnik dalam perbualan campuran kod. Kedua, memberi hormat kepada interlokuter yang lebih tua/kurang berpendidikan yang ditunjukkan melalui pengalihan dan penumpuan daripada variasi standard kepada variasi pijin atau pasar. Pengalihan kod secara metaforik dengan menyembunyikan agenda, sebagai contoh pengalihan daripada bahasa Melayu standard kepada bahasa Melayu dialek untuk mendapat diskaun harga sebagaimana yang telah dinyatakan. Pengalihan daripada bahasa etnik ibunda walaupun seseorang itu cekap berbahasa itu boleh dilihat sebagai fungsi penjauhan pengalihan kod, dalam hal ini penutur yang jarang-jarang disapa dengan bahasa yang kerap digunakan berasa “selamat” apabila mereka berbincang tentang perkara tabu atau “tidak selamat” dalam bahasa yang lain. Penggunaan bahasa yang tinggi dalam pengalihan kod mungkin dilakukan secara sengaja untuk menunjukkan taraf. Penggunaan lebih daripada satu bahasa dalam perbualan bercampur juga mungkin menunjukkan tahap “keselesaian” (Asmah, 1997, “Personal Communication”) dengan bahasa majoriti. Hal ini membayangkan kejayaan dasar perancangan bahasa di Malaysia yang mempelopori pertukaran bahasa pengantar daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu dalam sistem pendidikan dalam satu jangka masa tertentu (lihat David, 1999c).

Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris digunakan dalam interaksi antara kumpulan etnik minoriti seperti Cina dengan India kerana kedua-dua bahasa tersebut merupakan *lingua franca* bagi mereka. Penggunaan bahasa Inggeris atau Melayu sebagai *lingua franca* bergantung pada kecekapan penutur, sama ada dalam bahasa Inggeris ataupun bahasa Melayu. Penutur muda yang memperoleh bahasa Melayu sebagai bahasa perantara dan yang belajar hanya dalam negara ini biasanya menggunakan bahasa Melayu, sementara interlokuter yang lebih tua yang memperoleh bahasa Inggeris sebagai bahasa perantara di Malaysia akan menggunakan bahasa Inggeris.

Dalam interaksi antara kumpulan, pengalihan kod bahasa Melayu/Inggeris sekali lagi ditunjukkan. Dalam ekshibit berikut, seorang mahasiswa Cina yang sedang membeli sesuatu daripada lelaki India, seorang penjual, menggunakan bahasa Melayu/Inggeris dalam urusan niaga ini. Dia memanggil penjual itu “Uncle” (pakcik) gelaran hormat untuk interlokuter yang lebih tua dan kemudian bertanya tentang harga dalam bahasa Melayu.

Ekshibit 11 Pengalihan Kod Melayu/Inggeris dalam Interaksi antara Kumpulan

BLC (Lelaki Cina sebagai Pembeli) dan JLI (Lelaki India sebagai Penjual)		
1.	BLC	: <i>Uncle chewing gum ini berapa?</i>
2.	JLI	: <i>Sixty cents.</i>
3.	BLC	: <i>Ini sixty cents.</i>

Data di atas menunjukkan bahawa pembeli sering beralih kod daripada satu kod kepada kod yang lain, terutama antara bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, hanya sedikit akomodasi kepada keetnikan dan bahasa pilihan. Sebagai contoh, dalam Ekshibit 12, wanita Cina, seorang pembeli mengakomodasi keetnikan dan pilihan bahasa penjual, seorang Melayu. Walau bagaimanapun, akomodasi ini sedikit kerana dia hanya menggunakan satu perkataan sahaja iaitu “mana” dan kemudian beralih kepada bahasa Inggeris dalam pusingan kedua. Hal ini mungkin disebabkan kerana tiada perkataan dalam bahasa Melayu yang sama dengan *fitting room*, perkataan yang hampir sama ialah “bilik tukar” iaitu *changing room* dalam bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, penjual yang berketurunan Melayu itu membalasnya dalam bahasa bukan resiprokal, iaitu bahasa Melayu dan mengekalkan ciri keetnikannya. Apabila diperhatikan pelanggan lain, bolehlah dilihat bahawa bahasa Melayu bahasa pilihannya – bahasa yang dia paling cekap. Pelanggan berketurunan Cina juga tetap kepada pilihan linguistiknya dan mengucapkan terima kasih kepada penjual itu dalam bahasa Inggeris. Dalam interaksi ini, pilihan bahasa tidak resiprokal.

Dalam Ekshibit 13, dalam pusingan pertama, apabila pembeli berketurunan India meminta pertolongan, dia nampaknya bertumpu pada keetnikan dan pilihan bahasa penjual yang berketurunan Melayu tetapi dalam pusingan kedua (baris 3), dia mengucapkan terima kasih dalam bahasa Inggeris. Penjual yang berketurunan Melayu itu menggunakan satu istilah leksikal dalam bahasa Inggeris dengan menyebut nama panggilan *Miss* (cik) dalam

balasannya yang berdominan Melayu (baris 2). Akomodasi linguistik yang sedikit ini oleh golongan etnik minoriti, kepada yang majoriti (Melayu) ditunjukkan dalam data. Apabila golongan minoriti dalam peranan pembeli, menggunakan bahasa Melayu dalam interaksi antara kumpulan dengan masyarakat majoriti, penumpuan linguistik ini hanyalah separuh (Giles, 1984 yang berbincang tentang tahap penumpuan) kerana perbualan terdiri daripada bukan satu bahasa (dalam kes ini bahasa Melayu), tetapi daripada dua kod (bahasa satu lagi yang secara amnya bahasa Inggeris). Penggunaan bahasa Inggeris dalam masyarakat Malaysia merupakan strategi peneutralan kerana tidak merupakan bahasa tradisional bagi mana-mana etnik di Malaysia kecuali bagi masyarakat Serani. Pengalihan kod ini mempunyai dua fungsi; pertama, menunjukkan sedikit akomodasi dan kedua, pada masa yang sama penggunaan bahasa Inggeris mengekalkan penjarahan dan melambangkan kuasa.

Ekshibit 12 Akomodasi (Secara Terhad) oleh Pembeli yang Berketurunan Cina

BPC (Wanita Cina sebagai Pembeli) dan JLM (Lelaki Melayu sebagai Penjual)		
1.	BPC	: Mana <i>fitting room</i> ?
2.	JLM	: Belakang sana.
3.	BPC	: <i>Thank you.</i>

Ekshibit 13 Akomodasi (Secara Terhad) oleh Pembeli yang Berketurunan India

BPI (Wanita India sebagai Pembeli) dan JLM (Lelaki Melayu sebagai Penjual)		
1.	BPI	: Helo, tolong ambikan skirt saiz L.
2.	JLM	: Tunggu sekejap ya, <i>Miss</i> . Ini dia.
3.	BPI	: <i>Thank you.</i>

Dalam interaksi yang merentas generasi, dalam etnik mana sekalipun, variasi bahasa Melayu yang digunakan berbeza-beza. Interlokuter muda (dalam etnik mana sekalipun) yang berpelajaran, dan yang bahasa perantaranya bahasa Melayu biasanya menggunakan bahasa Melayu standard

yang formal dan biasanya menerima respons dalam variasi pasar bahasa Melayu daripada interlokuter yang lebih tua, yang tidak mempelajari bahasa ini secara formal. Dalam ekstrak berikutnya, mahasiswi Melayu yang bercakap dengan lelaki India, seorang pekedai yang berusia dalam lingkungan 40-an, menyapanya dalam bahasa Inggeris dan kemudian beralih kepada bahasa Melayu. Variasi bahasa Melayu yang digunakan oleh interlokuter muda ini ialah variasi berpelajaran manakala variasi yang digunakan oleh lelaki India yang lebih tua itu ialah variasi pasar.

Selain bahasa Melayu, bahasa Inggeris kerap digunakan. Bahasa Inggeris ada masa-masanya digunakan oleh pembeli atas alasan prestij ataupun untuk berakomodasi dengan penjual yang mungkin bukan daripada golongan etnik yang sama. Sebagai contoh, sapaan oleh wanita Melayu sebagai pembeli (Ekshibit 14) dengan seorang India sebagai penjual adalah dalam bahasa Inggeris. Dia cuba mengakomodasi keetnikan (India) penjual itu dengan tidak menggunakan bahasa Melayu.

Ekshibit 14 Akomodasi oleh Orang Melayu Sebagai Pembeli

BPM (Wanita Melayu sebagai Pembeli) dan JLI (Lelaki India sebagai Penjual)	
BPM :	<i>Good afternoon uncle. Tolong bagi saya satu buku latihan 80 muka ya uncle?</i>
JLI :	<i>Aisyeman adi, itu 80 muka surat punya buku sudah habislah. 120 muka surat punya bolehkah?</i>

PILIHAN BAHASA OLEH PENJUAL

Seperti yang disebutkan sebelum ini, setiap penjual diperhatikan selama satu jam untuk menentukan sama ada pengalihan bahasa daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain bergantung pada keetnikan atau pilihan bahasa pembeli. Dapatlah dilihat bahawa penjual sensitif terhadap keetnikan pelanggan. Penjual biasanya bersilih ganti menggunakan bahasa sebagai respons kepada pilihan bahasa dan keetnikan pelanggan mereka. Hal ini menyebabkan pengalihan kod. Sebagai contoh, pekedai berketurunan India menggunakan bahasa Melayu/Inggeris (Ekshibit 15, baris 2) dengan pelanggan Melayu yang telah memulakan pusingan dalam pengalihan kod Melayu/Inggeris dengan bahasa Melayu sebagai bahasa dominan. (Ekshibit 15, baris 1). Pekedai itu kemudiannya beralih kepada bahasa Inggeris (Ekshibit 15a, baris 2) dengan pelanggan India yang muda yang telah

menggunakan bahasa Inggeris (Ekshibit 15a, baris 1). Variasi bahasa Inggeris yang digunakan oleh pekedai India ialah variasi basilektal.

Ekshibit 15 Pengalihan Kod: Pekedai Lelaki India dengan Pelanggan Berbeza Etnik

Pelanggan Melayu		
1.	BLM	: Tauke tolong bagi saya <i>sugar</i> satu kilo.
2.	JLI	: <i>Okey</i> Tunggu sekejap Yah cik saya nak bungkus barang ini.
3.	BLM	: Bagi juga saya <i>egg and onions</i> setengah kilo.
Ekshibit 15a		
Pelanggan India		
1.	BLI	: <i>Uncle please give me one pack onions</i> (Pak cik, tolong bagi saya satu pekot bawang)
2.	JLI	: <i>Oh sorry, crispy snack don't have anymore</i> (Maaf, snek rangup dah tak ada lagi)

Akomodasi linguistik sebegini yang berarah kepada keetnikan dan pilihan bahasa pelanggan ditunjukkan oleh semua penjual walau dalam etnik mana sekalipun. Sebagai contoh, Ekshibit 16a menunjukkan akomodasi linguistik oleh penjual berketurunan Cina kepada beberapa pelanggannya. Dengan pelanggan Melayu, dia memulakan perbualan dengan pengalihan kod bahasa Melayu/Inggeris (baris 1), dengan menggunakan variasi pijin Melayu tetapi kemudiannya beralih kepada bahasa Inggeris (baris 3) apabila pelanggan menjawab dalam bahasa Inggeris (baris 2). Walau bagaimanapun, akomodasinya tidak diterima oleh pembeli, seorang lelaki Melayu yang berpelajaran yang menggunakan bahasa Inggeris standard dan penjual berketurunan Cina itu sekali lagi cuba berakomodasi dengan menggunakan pengalihan kod Inggeris/Melayu (baris 5) tetapi akomodasi ini sekali lagi tidak diterima kerana pelanggan membalasnya sekali lagi dalam bahasa Inggeris (baris 6). Akomodasi ini gagal kerana pelanggan itu tidak menggunakan bahasa etniknya tetapi beralih kepada bahasa Inggeris dengan tujuan untuk menunjukkan taraf dan kuasa ataupun kerana walaupun keetnikannya Melayu, namun bahasa Inggeris mungkin bahasa yang lebih kerap digunakannya dan lebih selesa baginya.

Penjual yang sama, beralih kepada variasi Inggeris yang lebih rendah dengan pembeli berketurunan Cina yang berpakaian segak (Ekshibit 16b) manakala dengan pelanggan berketurunan India yang lebih tua pula (Ekshibit

16c) yang dia anggap tidak berpelajaran Inggeris, dia memulakan interaksi dalam bahasa Melayu (baris 1). Walau bagaimanapun, apabila dia beralih kod (Melayu/Inggeris) dalam pusingan kedua, pembeli beralih kepada bahasa Inggeris (baris 4) dan penjual pun berakomodasi dan menggunakan bahasa Inggeris (baris 5).

Ekshibit 16 Pengalihan Kod: Wanita Cina Sebagai Penjual (JPC) dengan Pelanggan Berbeza Etnik

Ekshibit 16a		
Dengan Lelaki Melayu sebagai Pembeli (BLM)		
1.	JPC	: <i>Hello</i> Lu mahu apa?
2.	BLM	: <i>I'm looking for shampoo</i> (saya cari syampu)
3.	JPC	: <i>This brand is good</i> lah (Jenama ini baguslah)
4.	BLM	: <i>I don't want this</i> (Saya tak mahu yang ini)
5.	JPC	: <i>This brand boleh or not?</i> (Jenama ini boleh atau tidak)
6.	BLM	: <i>Nolah I already got</i> (Tidaklah, saya dah ada ini)
Ekshibit 16b		
Dengan Wanita Cina sebagai Pembeli (BPC)		
1.	JPC	: <i>Madam which one do you want?</i> (Puan, yang mana satu kamu nak)
2.	BPC	: <i>I want the pembersih muka 'oil of ulan'</i> (Say nak....)
3.	JPC	: <i>Maybe you can try this. This is good for you.</i> (Mungkin kamu boleh cuba ini. Ini baik untuk anda)
4.	BPC	: <i>Not this one. Any other type or not?</i> Bukan yang ini. Ada jenis lain atau tidak)
Ekshibit 16c		
Dengan Wanita India sebagai Pembeli (BPI)		
1.	JPC	: Kakak nak cari apa?
2.	BPI	: Kakak nak cuci muka punya. Mana bagus?
3.	JPC	: Sini Bagus. <i>Now promotion. Very cheap. Last time \$13.90. Now only \$10.</i> Belilah kak . (..... Sekarang ada promosi. Sangat murah. Dulu RM13.90. Sekarang hanya RM10....)
4.	BPI	: <i>Is it good for my oily face?</i> (Adakah ia bagus untuk muka saya yang berminyak?)
5.	JPC	: <i>Good. This one good.</i> (Bagus. Yang ini bagus)

Dapatlah dilihat bahawa penjual biasanya mengakomodasi pelanggan mereka dengan apa yang difikirkan ialah pilihan linguistik mereka. Walau bagaimanapun, percubaan mengakomodasi keetnikan pelanggan dan apa yang difikirkan oleh penjual sebagai etnik dan pilihan bahasa pelanggan mungkin ada masanya tidak diterima oleh pelanggan. Sebagai contoh, apabila pendatang Bangladesh sebagai penjual cuba berakomodasi kepada keetnikan pelanggannya dengan menggunakan bahasa Melayu dengan pelanggan Melayu, maka pelanggan itu tidak berakomodasi, sebaliknya membalasnya dalam bahasa Inggeris. Penjual, dalam pusingan seterusnya, telah beralih kod dengan menggunakan bahasa Melayu/Inggeris. Dengan cara ini, dia telah mengakomodasi pilihan bahasa pembeli. Akhirnya, dalam pusingan ketiga, penjual telah beralih sepenuhnya kepada bahasa Inggeris untuk menghormati pilihan bahasa pembeli. Pelanggan Melayu itu mungkin tidak menggunakan bahasa Melayu atas beberapa sebab. Dia mungkin menerima pelajaran dalam bahasa Inggeris dan menggunakannya lebih kerap berbanding dengan bahasa Melayu dalam domain (lihat Fishman, 1972 untuk konsep domain) penggunaan bahasa. Selain itu, pengalihan elit kepada bahasa Inggeris mungkin taktik perbezaan positif baginya kerana di Malaysia, bahasa Inggeris biasanya menunjukkan taraf sosial yang tinggi.

AKOMODASI MALAR OLEH PEMBELI DAN PENJUAL

Perselingan kod iaitu pengalihan daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain dalam pusingan yang berlainan yang boleh dilihat dalam data ini. Perselingan bahasa sebegini menunjukkan kedwibahasaan masyarakat Malaysia dan *modus operandi* akomodasi linguistik. Ekshibit 17 menunjukkan bahasa dalam pusingan pertama apabila seorang Melayu sebagai pembeli, menggunakan bahasa Melayu; seorang India sebagai penjual bertumpu, dan juga menggunakan bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, dalam pusingan seterusnya, apabila penutur berbangsa Melayu itu beralih kepada bahasa Inggeris (baris 3), penjual itu sekali lagi bertumpu dan memberi respons dengan bahasa Inggeris berdominan (baris 4). Sikap sensitif terhadap pilihan bahasa antara satu sama lain menyebabkan pengalihan bahasa yang malar walaupun dalam interaksi yang singkat dan berlaku dengan kerap dalam korpus. Fenomena pertukaran dan pengalihan daripada satu bahasa kepada satu bahasa dalam pusingan yang berlainan ialah ciri interaksi dalam masyarakat Malaysia dan menular di pasaran.

Akomodasi tidak hanya dilihat dalam pilihan bahasa tetapi juga dalam sebutan. Sebagai contoh, seorang India sebagai penjual berakomodasi ter-

Ekshibit 17 Pengalihan Kod

BPM (Wanita Melayu sebagai Pembeli) dan JPI (Wanita India sebagai Penjual)		
1.	BPM	: Majalah <i>Wanita</i> bulan ini adakah lagi?
2.	JPI	: Ada nanti saya ambil.
3.	BPM	: <i>How much?</i>
4.	JPI	: <i>Four dollar</i> sahaja.

hadap keetnikan pelanggannya yang berketurunan Cina dengan menyebut beberapa istilah leksikal atau perkataan Melayu dengan cara yang sama orang Cina menyebut beberapa perkataan Melayu. Dia menyebut *tala* (yang bermaksud tidak) dengan cara penutur Cina akan menyebutnya. Begitu juga, interlokuter Melayu dalam interaksi antara etnik juga menggunakan strategi akomodasi yang serupa. Dalam interaksi antara seorang Melayu sebagai pembeli dengan seorang Cina sebagai penjual, pembelilah yang bertumpu pada sebutan beberapa istilah leksikal seperti yang digunakan oleh beberapa orang Cina apabila bercakap dalam bahasa Melayu. Dia menyebut *telong* sebagai ganti perkataan *tolong* dalam bahasa Melayu standard. Tujuan akomodasi dan pengalihan kod ini dapat dilihat apabila dalam pusingan terakhir, dia meminta agar barang itu dibeli secara kredit. Sekali lagi contoh pengalihan kod secara metaforik.

Kadangkala, akomodasi linguistik dilihat dalam beberapa istilah leksikal tertentu dalam pengalihan kod yang bukan dalam bahasa Melayu/Inggeris. Misalnya, dalam satu interaksi antara seorang Melayu sebagai pembeli dengan seorang Cina sebagai penjual, pembeli yang berketurunan Melayu itu menggunakan beberapa perkataan Cina yang biasa seperti *cincai* (tak mengapa/saja-saja) dalam perbualan yang berdominan bahasa Melayu adalah dengan tujuan untuk mendapat diskaun harga apabila dia berkata “*Ala cincai tokey*, dua puluh lima sudahlah.” Percampuran istilah atau perkataan leksikal dari bahasa vernakular dengan bahasa Melayu menyebabkan satu lagi variasi interaksi bercampur yang wujud dalam masyarakat perniagaan di Malaysia. Hubungan bahasa antara golongan etnik yang berbeza telah membawa kepada satu tahap pinjaman bahasa dan asimilasi bahasa. Sebagai contoh, perkataan *taupau* bermakna bungkus makanan dan biasa digunakan oleh orang Malaysia bukan Cina. Selepas makan dalam restoran dan jikalau seseorang itu belum menghabiskan makanannya, dia boleh minta supaya makanan selebihnya *ditaupau*.

Masyarakat bukan Malaysia juga nampaknya sensitif terhadap nuansa pilihan bahasa. Pekerja asing seperti rakyat Bangladesh nampaknya peka

terhadap fabrik sosial populasi dan keetnikan orang Malaysia. Pilihan bahasa mereka menunjukkan kepekaan ini. Sebagai contoh, pekerja Bangladesh hanya menggunakan bahasa Inggeris dengan pelanggan Cina (Ekshibit 18) dan bahasa Melayu dengan pelanggan Melayu.

Ekshibit 18 Mengakomodasi Pilihan Bahasa Pelanggan

Penjual (J) dan Pembeli (B)		
1.	J	: Ya encik makan sini atau bungkus?
2.	B	: <i>Having here.</i>
3.	J	: Nak <i>spicy</i> atau <i>original</i> ?
4.	B	: <i>Spicy.</i>
5.	J	: <i>Any additional order?</i>
6.	B	: <i>Not thank you.</i>

Seperti kajian Lawson dan Sachdev pada tahun 1996, data dalam kajian ini menunjukkan akomodasi oleh penjual. Akomodasi kepada kegemaran linguistik pelanggan atau penjual dilihat berkali-kali dalam data ini. Jika pelanggan memulakan interaksi dalam bahasa Melayu, biasanya dia akan menerima respons resiprokal, jika dia menggunakan pengalihan kod Inggeris/Melayu dalam pusingan pembukaan (Ekshibit 19, baris 1), respons juga akan berbentuk pengalihan kod. Jika dalam pusingan kedua pelanggan beralih kepada bahasa dominan yang lain (baris 3), sekali lagi penjual akan berakomodasi dan beralih kepada bahasa yang digunakan oleh pelanggan dalam pusingan kedua (baris 4). Akomodasi malar kepada linguistik kegemaran pelanggan sebegini berlaku dengan kerap dalam korpus.

Penjual sensitif terhadap bahasa dominan yang kerap kali digunakan oleh pembeli dan meskipun penjual mengakomodasi pilihan bahasa pembeli, namun pembeli itu beralih kepada sesuatu yang difikirkannya bahasa pilihan penjual. Dalam Ekshibit 20, pembeli beralih kepada bahasa Inggeris (baris

Ekshibit 19 Akomodasi Malar

Lelaki Cina sebagai Pembeli (BLC) dan Lelaki India sebagai Penjual (JLI)		
1.	PLC	: <i>Uncle boleh bagi saya satu plastic bag tak?</i>
2.	JLI	: Ini dia <i>plastic bag</i> ... helo adik ini semua <i>junk food</i> semua tak elok untuk badan kita <i>you</i> tahu tak?
3.	PLC	: tak apa <i>uncle</i> . <i>Once in a while I think its okay to do so</i>
4.	MIS	: <i>Not really. As you know junk food contains....</i>

1 - bercakap dengan ahli farmasi, dia mungkin memikirkan bahasa Inggeris bahasa pilihan ahli farmasi) tetapi menggunakan bahasa Melayu dengan rakannya (baris 3). Apabila mendengarnya, penjual beralih kepada bahasa Melayu (baris 5). Pembeli kemudiannya kembali kepada bahasa Melayu dominan (baris 6) kecuali apabila dia berkata *one strip* (baris 6).

Ekshibit 20 Penjual yang Peka dan Sensitif terhadap Linguistik

Wanita Melayu sebagai Pembeli (BPM) dan Wanita Cina sebagai Penjual (JPC)		
1.	BPM :	<i>Do you have any painkiller?</i> (kamu ada pil pencegah sakit?)
2.	JPC :	<i>Yes, Ponstan and Penadine, which brand do you want?</i> (Ya, Ponstan dan Penadine, jenama mana yang kamu nak?)
3.	BPM :	<i>To friend:</i> Engkau hendak yang mana satu?
4.	BPM :	Berapa harga <i>for each brand?</i>
5.	JPC :	Ponstan berharga \$2.50 dan Penadine berharga \$2.30.
6.	BPM :	Kalau begitu tolong berikan saya <i>one strip</i> Penadine.

Dalam satu interaksi, akomodasi oleh penjual daripada bahasa yang biasa digunakan, iaitu bahasa Inggeris dilihat apabila dia bermula dalam bahasa Inggeris (“*Wait a ...*”) dan dengan cepat beralih kepada bahasa Melayu selepas itu “*Wait a ... nanti saya ambil.*”

AKOMODASI KEPADA NAMA PANGGILAN ETNIK

Selain bertumpu pada bahasa interlokuter, penumpuan linguistik boleh juga dilihat dalam campuran kod. Di sini, hanya satu istilah leksikal daripada bahasa lain yang digunakan dengan bahasa dominan. Sebagai contoh, nama panggilan dan tanda kata ganti nama yang digunakan oleh interlokuter Malaysia menunjukkan sikap sensitif terhadap keetnikan interlokuter itu. Dalam contoh berikutnya, variasi bahasa Melayu yang dituturkan oleh penjual berketurunan India dan pelanggan Cinanya ialah variasi pasar (Ekshibit 21). Inilah satu-satunya bahasa serupa antara interlokuter ini yang berasal daripada golongan etnik yang berbeza. Walau bagaimanapun, penjual berketurunan India telah berakomodasi dan menggunakan nama panggilan Cina (*Ah Pak*). Pelanggan berketurunan Cina yang lain bercampur

kod antara Melayu dengan satu dialek Cina dan menggunakan *wo* yang bermaksud saya. Dengan cara ini, dia secara sedar atau tidak, mengekalkan identiti etniknya. Variasi bahasa Melayu yang digunakan oleh beberapa ahli komuniti Cina boleh dilihat dalam penggunaan *gua* sebagai ganti perkataan saya dan *lu* sebagai ganti perkataan kamu. Akomodasi kepada kegemaran etnik ini dalam penggunaan tanda kata ganti nama menyebabkan campuran kod.

Ekshibit 21a Akomodasi dengan Penggunaan Kata Ganti Nama

BPC (Wanita Cina sebagai Pembeli) dan JLI (Lelaki India sebagai Penjual)	
JLI :	Helo! <i>Apek</i> lama <i>tala</i> jumpa.
BPC :	<i>Wo</i> pergi itu anak perempuan punya rumah.

Ekshibit 21b

JLM kepada BPI : Tunggu sekejap ya <i>Miss</i>
--

TIDAK - BERAKOMODASI

Terdapat hanya lapan kes tidak-berakomodasi dalam data kajian (Ekshibit 22 dan 23). Kes tidak-berakomodasi sebegini dilihat bukan sahaja dalam komunikasi dalam etnik tetapi juga dalam komunikasi antara etnik. Ekshibit 24 menunjukkan pertemuan dalam etnik, antara perempuan Melayu muda (dalam lingkungan 20-an) dengan lelaki Melayu yang lebih tua sebagai penjual. Penjual itu tidak cuba berakomodasi, sebaliknya bertumpu pada bahasa Inggeris, bahasa pilihan pembeli itu. Kes tidak berakomodasi ini berlaku kerana penjual tidak bersetuju bahawa terdapat ahli masyarakatnya yang beralih kepada bahasa Inggeris. Sebab lain mungkin ketidakmampuan penjual berbahasa Inggeris.

Ekshibit 22 Linguistik Pencapaian Apabila Pekedai Memulakan Interaksi

Golongan Etnik			
Pekedai	Bahasa Pekedai	Etnik Pelanggan	Bahasa Pelanggan
Melayu	Melayu	Melayu	Inggeris
Melayu	Melayu	India	Inggeris
India	Melayu	India	Inggeris
India	Tamil	India	Inggeris

Ekshibit 23 Pencapaian Linguistik Apabila Pelanggan Memulakan Interaksi

Golongan Etnik			
Pelanggan	Bahasa Pelanggan	Golongan Etnik Pekedai	Bahasa Pekedai
Melayu	Inggeris/Melayu	India	Melayu
Cina	Melayu	Punjabi	Inggeris
Cina	Melayu/Inggeris	India	Melayu
India	Inggeris	Cina	Melayu

Ekshibit 24

BPM (Wanita Melayu sebagai Pembeli) dan JLM (Lelaki Melayu sebagai Penjual)			
1.	JLM	:	Ye akak nak apa?
2.	BPM	:	<i>Do you have "Far away Perfume?"</i>
3.	JLM	:	Nak spray ke parfum?
4.	BPM	:	Parfum
5.	JLM	:	4 ml 15 ml?
6.	BPM	:	<i>15 ml please. How much?</i>
7.	JLM	:	Lapan puluh sembilan.

KESIMPULAN

Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa pembeli dan penjual sentiasa berakomodasi antara satu sama lain. Kesan akomodasi kod sebegini mewujudkan variasi linguistik-interaksi percampuran kod yang sepatutnya dilihat sebagai satu bahasa. Sebagaimana satu bahasa mempunyai pelbagai fungsi (Halliday, 1973), interaksi campuran ini mempunyai fungsi tertentu dan perlu dinilai secara positif (lihat Lawson dan Sachdev, 2000 yang mempunyai pandangan yang sama). Interaksi campuran ini memuaskan fungsi penumpuan pada variasi pertuturan interlokuter tetapi pada masa yang sama menolong penutur untuk mengekalkan sempadan identiti atau etniknya. Contohnya, seorang Melayu yang berpelajaran yang menggunakan bahasa Melayu pasar atau pijin dengan interlokuter yang kurang berpelajaran untuk menunjukkan budi bahasa.

Penggunaan bahasa antarabangsa, bahasa Inggeris dalam interaksi campuran atau bahasa Melayu standard selain bahasa Melayu pijin boleh juga

digunakan untuk menandakan taraf. Mesti ditunjukkan bahawa variasi bahasa Inggeris dan Melayu yang digunakan oleh peserta menunjukkan bukan sahaja jenis pendidikan yang didapati dan kecekapan mereka dalam sesuatu bahasa tetapi juga ada masanya kedudukan mereka dalam sosio-ekonomi dan golongan etnik yang berbeza. Sebagai contoh, orang Melayu menggunakan bahasa Malaysia dialek atau standard apabila berbual dengan seseorang Melayu yang lain. Walau bagaimanapun kadangkala orang Melayu menggunakan bahasa Inggeris apabila berinteraksi dengan seseorang Melayu lain yang berpendidikan Inggeris. Orang Cina dan India pula biasanya menggunakan variasi bahasa Melayu bergantung pada kecekapannya apabila berbual dengan orang Melayu. Orang India dan Cina tidak seragam dalam pilihan bahasa. Contohnya, orang Cina yang berpelajaran Inggeris kelas menengah biasanya menggunakan bahasa Mandarin dengan interlokuter daripada latar belakang yang sama. Bagi orang India, walaupun ada yang mengekalkan keetnikan bahasa ibunda, yang lain telah beralih kepada bahasa Inggeris atau bahasa Melayu meskipun dalam situasi di rumah. Pengalihan kôd dalam urus niaga perniagaan juga mempunyai fungsi metaforik kerana yang terlibat dalam urus niaga bertujuan untuk membeli/menjual barang/perkhidmatan pada harga yang terbaik. Pilihan bahasa di pasaran nampaknya seperti turun naik, pembeli dan penjual sering menyesuaikan kegemaran linguistik satu sama lain dan menghasilkan pengalihan kod, campuran kod dan penyelingan kod. Alat linguistik sebegini menolong penutur untuk bertumpu/berakomodasi secara separuh atau sepenuhnya pada interlokuter mereka. Penyesuaian yang berpragmatik dan sensitif oleh individu dalam interaksi di Malaysia yang berbilang bahasa dilihat dalam kepelbagaian dan variasi linguistik yang berlainan dalam koleksi pertuturan di Malaysia. Peribahasa Melayu yang terkenal mengatakan “Bahasa menunjukkan bangsa” dan interaksi campuran kod orang Malaysia, dikatakan, produk populasi yang berbilang linguistik dan etnik yang sensitif terhadap variasi bahasa satu sama lain. Dalam proses penyesuaian, hibrid ini telah berkembang di Malaysia.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan, 1987. *Tiga Puluh Tahun Perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1977. *Kepelbagaian Fonologi Dialek-dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1982. *Language and Society in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1987. *National Language and Communication in Multilingual Societies*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1989. "English in Malaysia: A Typology of its Status and Role". Kertas kerja yang dibentangkan di *Persidangan Third Tun Razak International Conference on Language Planning in Southeast Asia*, Ohio University: Amerika Syarikat.
- Asmah Haji Omar, 1997. *Personal Communication*.
- Baskaran, L.M. 1987. "Aspects of Malaysian English Syntax". Tesis Ph.D yang belum diterbitkan. University College, University of London.
- Bradac, James. Robert Hooper dan John Wiemann, 1989. "Message Effects: Retrospect and Prospect". Dlm. Bradac, James (ed.) *Message Effects in Communication Styles*. Hlm. 294–317, Newbury Park: Sage.
- Berger, Charles R. dan James Bradac, 1982. *Language and Social Knowledge*. London: Edward Arnold.
- Blom, J. P. dan Gumperz, J.J. 1972. "Social Meaning in Linguistic Structures: Codeswitching in Norway". Dlm. J.J. Gumperz dan D. Hymes (ed.) *Directions in Sociolinguistics: the Ethnography of Communication*, hlm. 407–34 New York: Rinehart and Winston.
- Bordieus, P. 1994. *Language and Symbolic Power*. Oxford: Blackwell.
- Coupland, Nikolas dan Adam Jaworski, 1997. *Relevance. Accomodation and Concersation: Modelling the Social Dimension of Communication Multilingua* 16–2/3 233–258.
- David, M. K. 1992. "The Sindhis in Malaysia-Language Maintenance, Language loss or Language Death" dlm. *Proceedings of the International Conference on Bilingualism and National Development*, Brunei, Jilid. 1.
- David, M. K. 1996. "Language Shift among the Sindhis of Malaysia". Tesis Ph.D yang belum diterbitkan. Universiti Malaya.
- David, M. K. 1997. "The Language of Malaysiaan Youth". Kertas kerja yang dibentangkan di *English is an Asian Language: The Malaysia Context* di Kuala Lumpur, Malaysia.
- David, M. K. 1998. "Language Shift, Cultural Maintenance and Ethnic Identity; A Study of A Minority Community: the Sindhis of Malaysia", dlm. *International Journal of the Sociology of Language*, 130 67–76.
- David, M. K. 1999a. "Language Shift? A study of a Minority Community: The Sindhis of Malaysia". Dlm. *South Pacific Journal of Psychology Special*

Issue: Asian-Pacific Language Research, hlm. 61–67.

- David, M. K. dan Faridah Noor, 1999b. "Language Maintenance or Language Shift in the Portuguese Settlement in Malacca, Malaysia" dlm. *Journal of Migration* 4/99.
- David, M. K. 1999c. "Bilingual Language Policy: The Malaysia Experience". Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan *Language in Education in Post-Colonial Societies*, City University of Hong Kong, Hong Kong, April.
- De Bot, R. dan Clyne, 1994. "A 16 Year Longitudinal Study of Language Attrition in Dutch Immigrants in Australia". Dlm. *Journal of Multilingual and Multicultural Development* 15:1, 17–28.
- Fishman, J. A. 1965. "Who Speaks What language to Whom and When"? Dlm. *Linguistics* 2, 67–88.
- Fishman, J. A. dan Greenfield, L. 1970. "Situational Measures of Normative Language Views in Relation to Person, Place and topic among Puerto Rican Bilinguals". Dlm. *Anthropes*, 65:602–618.
- Fishman, J. 1972. "Domains and the Relationship Between Micro and Macro Sociolinguistics". J. Gumperz dan Dell Hymes (ed.) dlm. *Directions in Sociolinguistics* 267–288. New York: Holt and Reinhart.
- Gardner-Chloros, P. 1991. *Language Selection and Switching in Strasbourg*. Oxford: Oxford University Press.
- General Report of the Population Census*, Jilid 1 Population and Housing Census of Malaysia. 1991. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Giles, Howard, D. M. Taylor dan Richard Y. Bourhis, 1973. "Towards a Theory of Interpersonal Accommodation Through Language: Some Canadian Data" dlm. *Language in Society* 2, 177–192.
- Giles, H. 1977. *Language Ethnicity and Intergroup Relations*. London: Academic Press.
- Giles, H. dan P Johnson, 1981. "The role of language in Ethnic Group Relations". Dlm. J. C. Turner dan H. Giles (ed.) hlm. 199–243. *Intergroup Behaviour*. dlm. Oxford: Blackwell.
- Giles, H. 1984. "The Dynamics of Speech Accommodation" dlm. *International Journal of the Sociology of Language*, 46, 20–42.
- Giles., H., Mulac, A Bradac, J dan Johnson P. 1987. "Speech Accomodation Theory The First Decade and Beyond". Dlm. M.L Mclaughlin (ed.) *Communication Yearbook* 10, 13–48. Sage.
- Giles, H., dan Nikolas Coupland, 1991. *Language, Contexts and Consequences*. Milton Keynes: Open University Press.
- Gumperz, J. 1964. "Linguistic and Social Interaction in Two Communities". Dlm. *American Anthropologist*, 66:6 137–54.
- Gumperz, John J. 1982. *Discourse Strategies*. Cambridge: CUP.
- Halliday, M. 1973. *Explorations in the Functions of Language*. London: Edward Arnold.
- Heller, M. 1988. *Code-switching: Anthropological and Sociolinguistic Perspec-*

- tives*: Berlin: Mouton de Gruyter.
- Jamaliah Mohamad Ali, 1995. "Malaysian Student Seminar - a study of Pragmatic Features in Interaction". Tesis Ph.D, yang belum diterbitkan, Universiti Malaya.
- Jan, J dan David, M. K. Oral Skills, 1996. "A Need for Acceptance of L1 Cultural Norms" dlm. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities* 49(1) 11–19.
- Kachru, B. B. 1979. "Code-mixing as a communicative strategy in India". Dlm. C. Richard (ed.), *New Varieties of English Issues and Approaches* hlm. 18–32 Singapore: SEAMEO.
- Lawson-Sako, S dan Sachdev, I. 1996. "*Ethnolinguistic Communication in Tunisian Streets: Convergence and Divergence*". Dlm. Y. Suleiman (ed.) *Language and Identity in the Middle East and North Africa: Curzon Press*.
- Lawson, S. dan Sachdev, I. 2000. "Codeswitching in Tunisia Attitudinal and Behavioural Dimensions", dlm. *Journal of Pragmatics*.
- Lim, Ann Lay, 1997. "Pemiliharaan dan Penggeseran Bahasa di Kalangan Mahasiswa India". Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Li Wei, 1995. "Variations in Patterns of Language Choice and Codeswitching by Three Groups of Chinese/English Speakers in Newcastle upon Tyne". Dlm. *Multilingua* 14:3 299–35.
- Li Wei, 1996. *Personal Communication*.
- Mohamad Subakir Mohd Yasin, 1998. *Language Allegiance and Language Shift A Malaysian Case Study*. Faculty Pengajian Bahasa, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Morais, Elaine, 1998. "Language Choice in a Malaysian Car-assembly Plant" dlm. *Int. Journal of the Sociology of Language*, 130 89–105.
- Nik Safiah Karim, 1988. *Sosiolinguistik Bahasa Melayu dan Pengajaran*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Nor Hashim bin Osman, 1991. Kajian Pemilihan Bahasa: Kajian Kes di Kawasan Perumahan Ulu Dedap Seberang Perak. Tesis sarjana yang belum diterbitkan. Universiti Malaya.
- Pakir, A. 1986. "A linguistic investigation of Baba Malay". Tesis Ph.D yang belum diterbitkan. University of Hawai'e at Manoa.
- Platt, J. T. dan Weber, H. 1980. *English in Singapore and Malaysia Status: Features: Functions*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Poplack, S. 1998. "Contrasting Patterns of Codeswitching in Two Communities". Dlm. M. Heller (ed.), *Codeswitching: Anthropological and Sociolinguistic Perspectives*. Berlin: Mouton de Gruyter.
- Rajagopal, Lohyanahi, 1987. The use of Bahasa Malaysia among the Urban Indians Asmah Haji Omar (ed.). *National Language and Communication in Multilingual Societies* hlm. 45–55 Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ravichandran, M. 1996. "The Chitty of Malacca". Tesis Sarjana yang belum diterbitkan, Universiti Malaya.
- Romaine, S. 1989. *Bilingualism*. Oxford: Blackwell.
- Sachdev I dan Bourhis R. 1990. "Bi-multilinguality". Dlm. H. Giles dan W. P. Robinson eds. *Handbook of Social Psychology*, hlm. 293–308. New York: Wiley and Sons.
- Scotton-Myers, Carol, 1993. *Social Motivations for Codeswitching Evidence from Africa*. New York: Oxford University Press.
- Singh, R. 1994. "Code-switching/mixing Patterns and Bilingual Proficiency". Kertas kerja yang dibentangkan di persidangan *Leeuwarden Summer School on Language Contact*, September 14–17.
- Tan, Chee Beng, 1980. "Baba Malay Dialect". Dlm. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 15:1 hlm. 150–66.
- Torres, L. 1989. "Code-mixing and Borrowing in a New York Puerto Rican Community: A Cross-generational Study" dlm. *World Englishes* 8, 419–22.
- Valdes, G. 1981. "Code-switching as a Deliberate Verbal Strategy: A Microanalysis of direct and indirect requests among bilingual Chicano speakers". Dlm. R. Duran (ed.) *Lationo Language and Communicative Behaviour*. Hlm. 95–107. Norwood. N. J. Ablex.